

# UMP mahu adakan majlis keraian khas

**PEKAN** - Universiti Malaysia Pahang (UMP) bercadang mengadakan majlis khas untuk meraikan Canselor universiti itu, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang dimasyhurkan sebagai Sultan Pahang Keenam di Istana Abu Bakar di sini semalam.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Seri Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, pihaknya bagaimanapun akan mengadakan perbincangan bersama Pejabat Istana Sultan Pahang sebelum menentukan tarikh yang sesuai untuk mengadakan majlis tersebut.

"Tuanku Al-Sultan Abdullah merupakan Canselor UMP dan kami warga universiti amat bergembira apabila baginda dimasyhurkan sebagai Sul-

tan Pahang pada hari yang bersejarah ini.

"Sehubungan itu, pihak UMP akan berbincang untuk mendapatkan tarikh sesuai kerana seperti yang kita semua ketahui, jadual kerja baginda amat padat dalam menjalankan tanggungjawab kepada rakyat negeri ini," katanya ketika ditemui di Dewan Santapan Istana Abu Bakar di sini semalam.

Al-Sultan Abdullah dilantik sebagai Canselor UMP pada 1 April 2011 dan wati-kah pelantikan itu dipersembahkan kepada baginda ketika melakukan lawatan kerja di UMP Kampus Pekan pada 28 April 2011.

Daing Nasir menambah, Al-Sultan Abdullah sepanjang memegang peranan Canselor sentiasa memberi dorongan kepada UMP untuk menerajui bidang akademik di rantau ini.